

B 8824 BAH
MAHATHIR RRR

MELAKA, 30 JULAI (BERNAMA) -- SEMUA PIHAK TERMASUK KESATUAN SEKERJA MEMPUNYAI TANGGUNGJAWAB MENJAGA DAN MEMPASTIKAN IKLIM EKONOMI YANG MENGGALAKAN SEKARANG TIDAK TERJEJAS, PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI.

+KITA MESTI SEMUA BERTANGGUNGJAWAB KERANA KERAJAAN SAHAJA TIDAK DAPAT MEMARIK PARA PELABUR SUPAYA DATANG MELABUR KE NEGARA INI,+ KATANYA KEPADA PERTANYAAN PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN MESYUARAT AGONG PERWAKILAN KE-TUJUH GABUNGAN PERSATUAN-PERSATUAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL MELAYU MALAYSIA (GPPPKMM) DI DEWAN HANG JEBAT, PUSAT EXPO AYER KEROH DI SINI.

PERDANA MENTERI TELAH DITANYA MENGENAI PANDANGAN BELIAU TERHADAP CADANGAN MAJLIS BERSAMA KEBANGSAAN (MBK) (PIHAK PEKERJA) BAGI BADAN BERKANUN UNTUK MENGADAKAN MOGOK PADA BULAN NOVEMBER SEKIRANYA TIDAK MENDAPAT JAWAPAN YANG MENGGALAKAN DARIPADA KERAJAAN BERHUBUNG DENGAN TUNTUTAN PELARASAN GAJI BAGI KAKITANGAN AWAM.

MBK BADAN BERKANUN KINI TELAH DISINGKIR DARIPADA MAJLIS PENYELARAS RUNDINGAN TUNTUTAN PELARASAN GAJI KAKITANGAN AWAM, YANG DIANGGOTAI OLEH EMPAT MBK LAIN IAITU BAGI KUASA-KUASA TEMPATAN, PERKHIDMATAN PERGURUAN, KAKITANGAN RENDAH DAN PERKHIDMATAN AWAM.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DALAM KEADAAN EKONOMI NEGARA BARU SAHAJA HENDAK PULIH, TINDAKAN SEPERTI YANG DIRANCANGKAN ITU TIDAK AKAN MENGGALAKAN PARA PELABUR DATANG KE NEGARA INI. --LAGI
1508MST 30 07 88

0681

B 8830 BAH
MAHATHIR 2 MELAKA RRR

+KALAU KITA TERLALU MUDAH SANGAT MENGAMBIL TINDAKAN PERUSAHAAN, SAYA KHUATIR ORANG AKAN TAKUT DATANG KE NEGARA INI,+ KATANYA, Sambil menambahkan bahawa pelaburan itu dapat mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada mereka yang menggantung.

PERDANA MENTERI BERKATA APABILA MEREKA YANG MENGGANGUR MENDAPAT PEKERJAAN, MEREKA AKAN MENJADI ANGGOTA KESATUAN.

+JADI, KESATUAN DENGAN MENGHALANG PENGWUJUDAN PELUANG PEKERJAAN, SEBENARNYA MENGHALANG PERKEMBANGAN MEREKA SENDIRI,+ KATANYA.

OLEH ITU, TEGASNYA, SEMUA PIHAK HENDAKLAH MENJAGA IKLIM EKONOMI NEGARA SUPAYA RAMAI PELABUR DATANG MELABUR KE NEGARA INI.

MENGENAI MASALAH YANG DIHADAPI OLEH PARA PENJAJA DAN PENIAGA KECIL DALAM MENDAPAT PINJAMAN BANK, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BANK-BANK TELAH DINASIHATI SUPAYA MELONGGARKAN SYARAT-SYARAT PINJAMAN. --LAGI
1535MST 30 07 88

0691

B 8836 BAH
MAHATHIR 3 MELAKA RRR

SUNGGUHPUN DEMIKIAN, KATANYA, TIDAK SEMUA PEMOHON AKAN MENDAPAT PINJAMAN KERANA TERPULANG KEPADA BUDIBICARA BANK-BANK.

+BANK TIDAK BOLEHLAH MEMBERI WANG KEPADA SETIAP YANG MEMINTA KERANA WANG ITU BUKAN WANG MEREKA,+ KATANYA.

MASALAH MENGENAI PINJAMAN ITU DITIMBULKAN OLEH PRESIDEN GPPPKMM HAJI MUHIDAN MOHD NATAR, DALAM UCAPAN ALUANNYA DI MAJLIS ITU. BELIAU MENDAKWA BANK ENGGAN MEMBERI BANTUAN PINJAMAN KEPADA PARA PENJAJA DAN PENIAGA KECIL DENGAN ALASAN TERDAPAT SEGELINCIR DI KALANGAN MEREKA YANG BERHUTANG DENGAN BANK TETAPI TIDAK MENJELASKANNYA.

HAJI MUHIDAN BERPENDAPAT TINDAKAN ITU TIDAK ADIL KERANA MEREKA BARU SAHAJA HENDAK MEMINJAM DAN KENAPA PULA MEREKA HARUS MENERIMA AKIBATNYA.

PERDANA MENTERI, DALAM UCAPANNYA, MENGAKUI BAHAWA PERBUATAN MEMINJAM DAN BERAT MEMBAYAR BALIK BERLAKU SEKARANG SEHINGGA MENYEBABKAN BANK-BANK BERHATI-HATI DALAM MENGELUAR PINJAMAN.--LAGI
1554MST 30 07 88

B 8856 BAH
MAHATHIR 4 MELAKA,

KATANYA, PERBUATAN SEPERTI ITU INI JUGA MEMBABITKAN BANTUAN PINJAMAN YANG DIKELUARKAN OLEH MARA KEPADA PARA PENIAGA DAN USAHAWAN MELAYU.

MENURUT PERDANA MENTERI, SIKAP INI ADALAH DISEBABKAN KURANG AMANAH. BELIAU MENDAPATI PERKARA INI PELEK KERANA APABILA SESEORANG ITU MEMINJAM BARANG ORANG LAIN, DIA AKAN MENJAGANYA DENGAN BAIK TETAPI APABILA TIBA MEMINJAM WANG LAIN PULA CERITANYA.

KATANYA, SUNGGUHPUN WANG PERLU UNTUK SESUATU PERNIAGAAN TETAPI IA TIDAK SEMESTINYA MENJAMIN KEJAYAAN. YANG PENTING MENURUTNYA, IALAH PENGETAHUAN MENGURUS WANG.

KETUA MENTERI MELAKA, DATUK SERI RAHIM THAMBY CHIK, DALAM UCAPANNYA, BERKATA KERAJAAN NEGERI AKAN MEMBINA SEBUAH PASAR PELANCONGAN UNTUK MENARIK LEBIH RAMAI PELANCONG KE NEGERI ITU.

PASAR ITU AKAN DIBUKA 24 JAM, MEMPUNYAI KIRA 100 BUAH GERAI MENJUAL BERBAGAI JENIS BUAH-BUAHAN YANG TERDAPAT DI NEGARA INI, KATANYA SAMBIL TIDAK MEMBERI BUTIR LANJUT MENGENAI PROJEK ITU. --LAGI
1638MST 30 07 88

0714

B 8857 BAH
MAHATHIR 5 MELAKA

DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH YANG MENEMANI DATUK SERI DR MAHATHIR, KEMUDIANNYA MERASMIKAN PAMERAN SAJIAN TRADISIONAL NEGERI-NEGERI YANG DIADAKAN DI LUAR DEWAN ITU.

DALAM UCAPANNYA, BELIAU MENEKANKAN TENTANG PERLUNYA MEMPASTI KEBERSIHAN DAN MUTU DALAM PENYEDIAAN MAKANAN UNTUK MENARIK PARA PELANGGAN.

PARA PELANGGAN JUGA PERLU DIBERI PILIHAN MENGENAI JENIS MAKANAN YANG DIJUAL, TAMBAHNYA.

PERDANA MENTERI DAN ISTERI JUGA MELAWAT ISTERI KETUA MENTERI, DATIN SERI ZABEDAH HAJI ABDULLAH, YANG BARU MELAHIRKAN ANAK LELAKI MEREKA YANG PERTAMA, DI WAD BERSALIN HOSPITAL BESAR DI SINI.

ANAK KEEMPAT PASANGAN ITU DILAHIRKAN PADA 26 JULAI LEPAS. PASANGAN ITU MEMPUNYAI TIGA ANAK PEREMPUAN SEBELUM INI.--BERNAMA
1639MST 30 07 88